



SEGERA

Rujukan : KDN(S): 205/208/2 Klt.6 (93)

Tarikh : 19 Mei 2016

Pengarah

Syarikat Agensi Persendirian yang Berdaftar di bawah Akta Agensi Persendirian 1971

Tuan,

PENGESAHAN KETULENAN KAD PENGENALAN PENGAWAL KESELAMATAN SECARA BIOMETRIK DAN TAPISAN KESELAMATAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Melalui beberapa siri operasi penguatkuasaan ke atas pengawal keselamatan yang dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) berjaya membuat tangkapan ke atas pengawal-pengawal keselamatan yang menggunakan kad pengenalan (MyKad) palsu. Kementerian ini mendapati bahawa masih terdapat syarikat kawalan keselamatan yang tidak membuat pengesahan ketulenan kad pengenalan pengawal keselamatan secara biometrik dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sebelum dibenarkan untuk bekerja. Perkara ini adalah sangat membimbangkan kerana ianya melibatkan keselamatan orang awam dan masyarakat.

3. Pihak tuan adalah sekali lagi diingatkan bahawa semua syarikat kawalan keselamatan adalah **WAJIB** untuk terlebih dahulu membuat semakan ketulenan kad pengenalan secara biometrik di mana-mana pejabat JPN di seluruh negara dan membuat tapisan keselamatan dengan pihak KDN melalui sistem *Electronic Security Industry Management System (ESIMS)* sebelum mengambil seseorang calon untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan.

4. Dalam hubungan ini, Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan yang tegas dengan membatalkan lesen syarikat kawalan keselamatan di bawah seksyen 4 (1) Akta Agensi Persendirian 1971 sekiranya syarikat didapati gagal membuat tapisan keselamatan ke atas kakitangan dan pengawal keselamatan masing-masing.



6. Segala kerjasama serta perhatian tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.



DATO' SRI MUSTAFA BIN HJ. IBRAHIM
Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan)
Kementerian Dalam Negeri

s.k:

YBhg. Dato' Sri KSU

YBhg. Dato TKSU (Dasar)

SUB (KK)

SUSK YAB Menteri Dalam Negeri

SUSK Timbalan Menteri Dalam Negeri 1

SUSK Timbalan Menteri Dalam Negeri 2

Salinan luar:

Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia
No. 20, Persiaran Perdana, Presint 2,
62551 Putrajaya
(u.p: En. Mohd Yazid Bin Ramli
Timbalan Pengarah Operasi)

No. Faks: 03-88808288